

# Kerjasama politik PAS utama pilihan rakyat bukan lagi isu syariah

Oleh Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain  
bhrencana@bh.com.my

Tulisan dan perbincangan mengenai PAS banyak terarah kepada aspek kerjasama politik parti itu. Sejak penubuhannya pada 1951, parti itu tidak sunyi daripada menjalinkan kerjasama politik dengan pelbagai parti politik lain.

Lebih menarik, PAS dikatakan parti sarat dengan dasar perjuangan perlu beradaptasi dan bertolak ansur dalam kerjasama politik mengutamakan kepentingan umum atau bersama.

Dilema, sama ada mengutamakan matlamat perjuangan parti atau bersifat populis untuk mendapatkan sokongan rakyat sentiasa menguji pendekatan PAS. Situasi ini pernah diakui oleh Burhanuddin Muhtadi dalam bukunya, *Dilema Parti Keadilan Sejahtera (PKS): Suara atau Syariah*.

Walaupun buku itu menyorot PKS di Indonesia, beliau menjelaskan bagaimana parti berteraskan Islam berhadapan dilema, sama ada mahu memperjuangkan dasar perjuangan Islam (syariah) atau menuruti pilihan rakyat (suara) untuk kekal relevan, iaitu dua pilihan turut dihadapi PAS.

Jika mereka bertindak eksklusif dengan terus memperjuangkan tuntutan asal parti akan menjejaskan sokongan pengundi, manakala bersifat inklusif dengan mengutamakan selera pengundi akan meminggirkan tuntutan asal perjuangan parti pula.

Sebelum ini, kerjasama politik PAS bermatlamat untuk mewujudkan kekuatan pembangkang menentang parti lawan (pemerintah) pada pilihan raya umum (PRU). Namun, apa yang dilihat, kerjasama politik PAS bukan sahaja gagal menumbangkan parti pemerintah, tetapi berhadapan pula dengan konflik antara dasar perjuangan parti dengan perjuangan bersama parti lain.

Oleh itu, kerjasama politik PAS gagal dalam Barisan Alternatif (BA) dan Pakatan Rakyat (PR) apabila timbul perbalahan ketika PAS mahu mengusulkan pelaksanaan hukum hudud serta meneruskan agenda Negara Islam.

Pada awal tahap kerjasama politik, PAS sememangnya komited memberikan tumpuan kepada kepentingan awam dan dasar bersama seperti isu demokrasi, keadilan serta tadbir urus baik (*good governance*) berbanding tuntutan perjuangan asal parti seperti hukum hudud dan negara Islam.

Namun, pada pertengahan jalan, PAS mulai cemas apabila kerjasama politik menjauhkan parti daripada melaksanakan tuntutan perjuangan asal mereka. Desakan tuntutan demokrasi berkait dengan kebebasan individu yang melangari sempadan agama mendesak PAS menilai semula kerjasama politiknya.

Lebih malang, sebagai parti mempunyai keahlian teramai dan memiliki jentera terbesar yang membantu kemenangan PR dalam PRU pada 2008, ia langsung tidak memberi kelebihan kepada PAS memenuhi tuntutan asal perjuangannya.

Kegagalan PAS dalam kerjasama politik dalam BA dan PR memberi banyak pengajaran. Antara yang utama, kerjasama politik PAS tidak boleh sama sekali 'melarutkan' dasar asal perjuangan parti hingga menyerap masuk ke sistem atau dasar perjuangan lain semata-mata untuk mencapai kemenangan.

Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang dalam Muktamar PAS 2014 menegaskan, "Kerjasama politik bukan bermakna kita menyerap masuk ke dalam sistem lain atau parti lain, sehingga hilang prinsip dan jati diri kita atau hanya

menjadikan ukuran kemenangan semata-mata sebagai matlamat sehingga menghilangkan dasar parti bagi pelaksanaan Islam. Matlamat kemenangan mesti digunakan bagi memperteguhkan prinsip Islam yang bersifat syumuliyah."

Baru-baru ini, Timbalan Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Datuk Seri Salahuddin Ayub menggesa agar semua pihak melupakan persengketaan antara satu sama lain, sekali gus membentuk kerjasama, termasuk membabitkan PAS dan BERSATU melalui khemah besar.

PAS menolak cadangan untuk bekerjasama sekali lagi dengan Pakatan Harapan (PH) dan menegaskan ia tidak akan berulang. Abdul Hadi menyifatkan pengalaman PAS ketika bekerjasama dalam BA dan PR sudah cukup memantangkan mereka.

Sebaliknya, PAS masih menyimpan hasrat mahu mempertahankan kerjasama politik dengan UMNO melalui Muafakat Nasional (MN), selain Perikatan Nasional (PN). Bagaimanapun, UMNO dilihat sudah tidak lagi berminat untuk meneruskan kerjasama dengan PAS. Hal ini dapat dilihat pada Pilihan Raya Negeri (PRN) di Melaka dan Johor apabila UMNO enggan bekerjasama dengan PAS yang bersekutu dengan BERSATU.

Penyebaran dokumen dikaitkan dengan minat mesyuarat PAS baru-baru ini memanjangkan kritikan UMNO kepada PAS, meskipun dinafikan pemimpin kanan PAS.

Sebagai rekod, PAS sebenarnya pernah melancarkan kempen untuk menggantikan UMNO sebelum ini. Namun, ia gagal kerana tidak mendapat sokongan pengundi, terutama dalam kalangan orang Melayu. Oleh kerana itu jugalah PAS percaya faktor Melayu penting untuk sokongan parti dan bukan hanya menggunakan identiti Islam semata-mata.

Selama ini, kerjasama politik PAS didasari konsep Tahaluf Siyasi. Konsep ini jugalah yang mewajarkan kerjasama PAS dengan parti seperti DAP sebelum ini, walaupun parti itu memusuhi perjuangan PAS. Melalui konsep ini, kerjasama politik PAS disantuni dengan penuh cermat agar tidak menyalahi dasar perjuangan parti.

Namun, kerjasama politik PAS dalam PN pernah didakwa oleh bekas ahlinya yang juga Ahli Parlimen Kuala Nerus, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali sebagai suatu bercanggah dengan Perlembagaan PAS berbanding kerjasama dalam MN yang dibawa di meja perundingan, termasuk mendapat persetujuan Majlis Syura Ulama.

Penyertaan PAS dalam PN didakwa hanya membabitkan persetujuan beberapa pemimpin sahaja tanpa kertas kerja dan melalui proses perbincangan serta perbahasan pada peringkat jawatankuasa. Persoalannya, apakah konsep tahaluf siyasi tidak terpakai dalam konteks kerjasama PAS dalam PN?

Pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) lalu, PAS bergerak secara solo dan memenangi 18 kerusi Parlimen. Banyak pihak memuji pencapaian solid PAS ketika itu tanpa kerjasama parti lain. Adakah kali ini PAS boleh meningkatkan prestasinya dengan kerjasama politik dalam PN?

Kerjasama politik PAS mutakhir ini juga cenderung memilih suara berbanding syariah. PAS selesa dengan PN dalam blok kerajaan bersama mandat dan jawatan. Apakah pendekatan populis ini boleh meningkatkan sokongan pengundi kepada PAS pada PRU-15? Ini semua menimbulkan tanda tanya dalam kerjasama politik PAS masa akan datang.

“Pada awal tahap kerjasama politik, PAS sememangnya komited memberikan tumpuan kepada kepentingan awam dan dasar bersama seperti isu demokrasi, keadilan serta tadbir urus baik (*good governance*) berbanding tuntutan perjuangan asal parti seperti hukum hudud dan negara Islam”



Pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM)

